

» Lepas geram hentam isu tertentu di alam maya boleh undang pelbagai kesan negatif

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bh.com.my

Pada zaman ini, meletakkan status dan memuat turun gambar individu menjadi aliran popular di laman sosial.

Sesetengah isu yang dimuat naik mendapat *like* yang begitu tinggi. Semakin ramai *like*, ia menjadi tarikan orang lain melayari dan sesetengahnya menjadi viral.

Hasil daripada tindakan ini, sebilangan status dimuat naik mengundang pelbagai kesan negatif berbanding positif yang memberi pengajaran.

Malah, ada yang sampai ke tahap fitnah kerana pemberi komen tidak mengetahui situasi sebenar.

Ketagihan ini membuatkan ramai pengguna laman sosial lebih terbuka menghukum kesalahan orang lain jika tidak berpuas hati.

Gemar raih perhatian


Media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter menjadi medan pengantara menimbulkan perasaan geram, benci dan kemarahan menerusi perbincangan terbuka.

Kisah laman sosial ini kadangkala menimbulkan ketegangan dan provokasi tanpa penyelesaian dan tindakan.

Perkara yang sepatutnya diambil tindakan pihak berwajib digantikan dengan status memaki hamun atau penyebaran gambar pesalah.

Umpamanya, kenderaan yang diletakkan di kotak salah.

Tidak dinafikan ia satu kesalahan dalam undang-undang, tetapi siapa dan apa hak kita mengadili, menghukum dan menyebarkan



'Juri' laman sosial

gambar pesalah menerusi alam siber.

Perkataan maki dan kecaman yang melangkaui nilai tatasusila masyarakat semakin berkembang, seolah-olah tidak ada siapa yang mampu menghalangnya.

Sesetengahnya lebih bersifat menghukum dan meletakkan kesalahan tanpa membuat analisis matang berasaskan fakta yang benar.

Didik masyarakat berhemah

Aliran popular menghukum orang lain tanpa pendekatan berhemah menjadikan sesiapa saja berpeluang dimalukan, dihina malah dipuja menerusi dunia tanpa sempadan ini.

Justeru, masyarakat perlu ditegakkan etika dan tatasusila menerusi laman sosial bagi memastikan kesejahteraan bersama dalam

laman sosial tidak digugat.

Pengguna media sosial disarankan bersikap bijaksana dalam menunjukkan keperibadian diri ketika menggunakan laman sosial kerana apa yang dicatat menjadi gambaran peribadi seseorang.

Jangan aibkan orang

Kaunselor Berdaftar dan Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata umat Islam perlu mengikut saranan agama supaya tidak bebas mengaibkan orang.

"Sebaiknya tidak memperlihatkan identiti orang lain dalam laman sosial. Cukup hanya menyatakan jenis kesalahan dan apa penyelesaian terbaik tanpa perlu meletakkan gambar," katanya.

Beliau berkata, budaya 'miskin moral' ini semakin menular dalam masyarakat moden hari ini.

"Saranan saya, guna kaedah lisan jika mengenali atau cukup ditegur dalam hati sebagai penga-

jaran diri sendiri," katanya.

Jika sebaliknya dan mengundang bahaya kepada pihak lain, sebaiknya berurusan dengan pihak berwajib.

Rasional dalam tindakan

Katanya, luahan emosi secara tidak rasional dikhuatiri boleh memberi kesan kepada ramai pihak termasuk diri sendiri.

"Pilih perkataan sesuai untuk diungkapkan. Walaupun luahan emosi itu boleh memberi kepuasan, ia bersifat sementara dan seharusnya pilih cara yang lebih efektif.

"Luahan emosi dan tidak rasional sepatutnya dielakkan demi menghormati diri sendiri dan orang lain. Walaupun menjadi aliran popular, ia wajar tidak dipraktikkan. Adalah lebih baik mencari kaedah lebih matang dalam bersuara," katanya.

Beliau menyifatkan ia sebagai 'penyakit' masyarakat lebih tenat jika membabitkan tatasusila dan nilai moral masyarakat sejagat.

Reaksi



Hafizah Ismam, 28,
Pekerja swasta

"Viral itu menjadi penyakit masyarakat yang popular. Belum pasti apa yang disebarkan itu betul. Kalau tidak tepat, ia bertukar menjadi fitnah yang mengaibkan orang".



Husnaini Dunnia,
26, Pekerja swasta

"Viral ini sudah menjadi wabak sejak wujudnya media sosial. Kadangkala, mereka yang bersopan juga terjebak sama. Apabila terlalu mengikut perasaan, fikiran mula jadi tidak rasional dan terikut-ikut dengan budaya ini".



“Pilih perkataan sesuai untuk diungkapkan. Walaupun luahan emosi itu boleh memberi kepuasan, ia bersifat sementara dan seharusnya pilih cara yang lebih efektif”

Dr Siti Fatimah Abdul Ghani,
Kaunselor Berdaftar dan
Perunding Psikologi Kanak-Kanak,
Remaja dan Dewasa UPM

